



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 1/2010**

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelevu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

**PENGEQUALIAN BAYARAN BAGI PENARIKAN BALIK KAVEAT PEMEGANG
LIEN YANG DITERIMA DARIPADA FELCRA DAN RISDA**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan kepada Pendaftar Hakmilik untuk mengecualikan bayaran bagi penarikan balik kaveat pemegang lien yang diterima daripada pihak Felcra atau Risda.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kaedah 27, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan, NSPU 25/2002 telah menetapkan suatu kadar bayaran bagi penarikan balik kaveat pemegang lien. Kadar bayaran tersebut adalah RM40.00 per hakmilik sepertimana yang terkandung dalam Jadual 6, Kaedah-kaedah Tanah Negeri Sembilan, NSPU 25/2002.
- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan, Negeri Sembilan yang bersidang pada 9 Disember 2009 telah memutuskan agar penarikan balik kaveat pemegang lien yang diterima daripada pihak Felcra dan Risda wajar diberi pengecualian memandangkan kedua-dua agensi berkenaan membantu dari segi kapital bagi pengusahahasilan dan pembangunan tanah rakyat di Negeri Sembilan.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Seksyen 331 Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan bahawa suatu kaveat pemegang lien boleh ditarik balik pada bila-bila masa dengan suatu notis bertulis diberikan kepada Pendaftar oleh pemegang lien tersebut.
- 3.2 Selaras dengan peruntukan seksyen berkenaan, Pendaftar dalam menerima suatu notis bertulis daripada pihak Felcra dan Risda untuk menarik balik atau menamatkan kaveat pemegang lien, perlulah secepat mungkin membatalkan pemasukan kaveat itu dengan memberi pengecualian bayaran dalam Jadual Keenam, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan, NSPU 25/2002 bagi penarikan balik kaveat pemegang lien kedua-dua agensi tersebut.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Pentadbir Tanah / Pendaftar hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan arahan ini dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 14 Januari 2010

Rujukan : (63) dlm. PTG.NS 10/17

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)